

» 21 penerima APCBH 2014 azam berusaha lebih gigih capai kecemerlangan dalam pendidikan

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur

Penerima Anugerah Pelajar Cemerlang BH (APCBH) 2014 menyifatkan pengiktirafan itu sebagai pembakar semangat untuk mereka terus berusaha lebih gigih mencapai kecemerlangan dalam pendidikan pada masa depan.

Mereka terdiri daripada 21 pelajar diraikan, masing-masing tujuh dalam kategori Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pada majlis yang berlangsung meriah di Balai Berita di sini, baru-baru ini.

Pelajar cemerlang kategori SPM, Dini Elisyakira Hairul Nizam, 18, berkata anugerah itu adalah yang ketiga diterimanya melalui APCBH selepas pernah meraih kejayaan sama bagi keputusan UPSR dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) sebelum ini.

"Saya berpendapat anugerah ini adalah penghargaan cukup bermakna kepada penat lelah menuntut



"Saya memanfaatkan semua tip diperoleh pada seminar itu dalam ulang kaji menjelang PT3, terutama sewaktu pecutan terakhir selepas peperiksaan percubaan"

Azrie Ezaidi Rohaidee, Penerima APCBH 2014 Kategori PT3



Badrullisham (kiri) menyampaikan anugerah kepada penerima kategori PT3, Muhammad Tariq Sazali, sambil disaksikan Ahmad Zaini. [FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH]

Anugerah pembakar semangat



Penerima APCBH 2014 hadir bersama-sama keluarga.

ilmu dan bergiat dalam kokurikulum. Apa pun, yang lebih penting ialah kejayaan ini membanggakan ibu bapa saya.

Mantapkan persediaan
"Pengiktirafan APCBH menjadikan saya lebih bersemangat terus melakar kecemerlangan dalam pendidikan yang amat penting untuk masa depan," katanya.

Bekas pelajar Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Rawang itu sedang mengikuti program persediaan dalam bidang sains untuk melanjutkan pelajaran ke universiti

di Russia. Bagi penerima anugerah kategori PT3, Azrie Ezaidi Rohaidee, 16, usaha BH menganjurkan penganugerahan itu amat signifikan dalam memberi dorongan kepada pelajar untuk memperoleh pencapaian baik.

Pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemenech (Ulul Albab) di Negeri Sembilan itu berkata, penyertaan dalam Seminar PT3 BH Minda tahun lalu banyak membantu memantapkan persediaannya menghadapi peperiksaan

» Muka 15

INFO

Anugerah Pelajar Cemerlang BH 2014

Senarai Penerima Anugerah APCBH 2014

- Kategori UPSR**
1. Kuhaneetha Bai Kalaicevan - 5A (SMK Perempuan Methodist, Klang, Selangor)
 2. Maizatul Nadzirah Mohamad Nadzri - 5A (Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan)
 3. Md Fikri Idham Md Hazizi - 5A (Sekolah Menengah Agama Islam Toh Puan Hajah Rahmah, Kota Kinabalu, Sabah)
 4. Nurul Syaifiqah Dayana Harizan - 5A (Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya)
 5. Nur Aida Zarifah Mahamad Zanudin - 5A (Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya)
 6. Ika Syakirah Kamarudin - 5A (SBPI Gombak, Selangor)
 7. Ira Syahirah Kamarudin - 5A (SBPI Gombak, Selangor)

Kategori PT3

1. Muhammad Tariq Sazali - 10A 1B (SM Integrasi Sains Tahfiz, Kuala Lumpur)
2. Azrie Ezaidi Rohaidee 8A 2B (MRSM Gemenech Ulul Albab, Negeri Sembilan)
3. Aiman Arif Adnan - 11A (Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, Selangor)
4. Muhammad Fariz Kaim Mohd Faisal Kaim - 10A (SMK Taman Desa, Selangor)
5. Nurul Iffah Ab Razak - 11A (SBPI Tun Abdul Razak, Pahang)
6. Elya Maisarah Musa 10A 1B (Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong, Pahang)
7. Muhammad Ikhwan Asnawi Shahrudin - 11A (SM Imtiaz Ulul Albab Melaka, Masjid Tanah)

Kategori SPM

1. Madhiah Safwanah Nasir - 11A (SMK Agama Johor Bahru, Johor)
2. Nurul Nabilah Azmi - 11A (SMK Agama Kerian, Perak)
3. Ainul Asyikin Abdul Rahim - 11A (Sekolah Agama Menengah Bestari, Selangor)
4. Iskandar Rosli - 7A 2B (Sekolah Menengah Sains Selangor)
5. Muhammad Faiez Amran - 8A 1B (SMK Dato' Ahmad Maher, Kelantan)
6. Dini Elisyakira Hairul Nizam - 7A 2B (SBPI Rawang, Selangor)
7. Amira Syuhada Anuar Sallehuddin - 12A (Sekolah Raja Perempuan Taayah, Ipoh)

» Dari muka 14

berkenaan. "Saya memanfaatkan semua tip diperoleh pada seminar itu dalam ulang kaji menjelang PT3, terutama sewaktu pecutan terakhir selepas peperiksaan percubaan," katanya.

Perangsang tambahan

Penerima kategori UPSR, Maizatul Nadzirah Mohamad Nadzri, 13, pula berkata inisiatif BH menawarkan anugerah kepada pelajar menjadi perangsang tambahan kepadanya untuk belajar bersungguh-sungguh mencapai kecemerlangan.

"Selain mempunyai jadual belajar sistematis dan memberi tumpuan kepada pengajaran guru di kelas, kejayaan saya memperoleh keputu-



"Penganugerahan ini memberi motivasi kepada saya untuk terus cemerlang dalam usaha mengejar cita-cita menjadi doktor"

Elya Maisarah Musa, Penerima APCBH 2014 Kategori PT3

san 5A juga adalah hasil penyertaan dalam Klinik UPSR BH Didik tahun lalu.

"Pada program itu, saya mendapat banyak tip berguna daripada guru pakar seperti cara menjawab soalan dengan tepat dan berkesan. Segala ilmu itu saya amalkan secara berterusan," katanya yang kini belajar di Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan.

Setiap penerima anugerah pada Majlis APCBH 2014 membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000, piala, hadiah iringan dan sijil penghargaan.

Sementara itu ketika berucap pada majlis berkenaan, Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Badrullisham Othman, berkata BH untuk julung kali menyediakan tujuh anugerah bagi setiap kategori tahun ini berbanding enam sebelum ini, sekali gus membuktikan kesungguhan pihak syarikat memberi galakan positif kepada pelajar lain.

Kecemerlangan seimbang

Beliau berkata, penganugerahan itu adalah penghargaan kepada pelajar yang mengikuti klinik, seminar dan bengkel bimbingan peperiksaan anjuran BH melalui Unit Pendidikan pada tahun lalu.

"BH sinonim dengan matlamat memperkasa pendidikan melalui penganjuran klinik dan seminar bimbingan peperiksaan yang bermula dengan Klinik UPSR BH Didik pada tahun 1996, disusuli Seminar PT3 BH Minda dan Seminar/Bengkel SPM BH Skor. "Selain itu, penganjuran APCBH juga bertujuan mendorong dan menyuntik semangat pelajar lain untuk terus berusaha gigih mencapai kecemerlangan seimbang dalam akademik serta kokurikulum," katanya.

Yang turut hadir ialah Pengarang Eksekutif Berita, Rencana dan Digital BH, Ahmad Zaini Kamaruzaman; Pengarang Bersekutu Hal Ehwal Semasa BH, Kadir Dikoh; dan Pengarang Pendidikan BH, Fadzlena Jafar.

INFO

APCBH

- Diperkenalkan oleh BH pada tahun 2007 bertujuan memberi pengiktirafan kepada calon cemerlang UPSR, PT3 dan SPM.
- Pengiktirafan juga bermatlamat mendorong pelajar terus berusaha lebih gigih.
- Calon perlu mempunyai pembabit aktif dalam bidang kokurikulum.
- Enam penerima dipilih bagi setiap kategori sebelum ditambah kepada tujuh orang mulai tahun ini.
- Penerima membawa pulang wang tunai RM1,000, hadiah iringan, plak dan sijil penghargaan.
- Terbuka kepada peserta program bimbingan peperiksaan anjuran BH meliputi Klinik UPSR BH Didik, Seminar PT3 BH Minda dan Seminar SPM BH Skor.



Pasangan kembar, Ira Syahirah (kiri) dan Ika Syakirah Kamarudin, menerima anugerah kategori UPSR.



Badrullisham (empat dari kiri) dan Ahmad Zaini (lima dari kiri) bersama-sama pelajar cemerlang kategori SPM.

Klinik UPSR Fasa 2 hingga Ogos

Calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) akan mendapat tip menjawab soalan secara berkesan menerusi Klinik UPSR BH Didik (Fasa 2).

Program ini berbentuk seminar dengan ceramah selama tiga setengah jam setiap subjek.

Yuran pendaftaran ialah RM130 untuk dua hari termasuk makan dan minum tiga kali sehari.

BH menanggung cukai barangan dan perkhidmatan (GST) sebanyak RM7.80.

Tempahan tempat boleh dilakukan menerusi ejen yang dilantik oleh BH di lokasi berikut:

- 12 & 13 Jun
 - Skudai
 - Fakulti Alam Bina UTM
 - 019-771 2512
- 13 & 14 Jun
 - Shah Alam
 - SMK TTDI Jaya
 - 012-311 8676
- 20 & 21 Jun
 - Gombak (UAM)
 - 03-2056 9284 dan
 - 03-2056 9863
- 31 Julai & 1 Ogos
 - Kota Bharu
 - 018-911 6847 dan
 - 019- 9388488
- 1 & 2 Ogos
 - Taiping
 - 013-5303470
 - Melaka
 - 012-641 1877
- 1 & 2 Ogos
 - Klang
 - 013-2490674 dan
 - 011-33556713
 - Kuching
 - 013-808 8406
- 7 & 8 Ogos
 - Batu Pahat
 - 017-7993844
 - Pasir Puteh
 - 012-9005050
- 8 & 9 Ogos
 - KL (NSTP)
 - 03-20569863
 - Teluk Intan
 - 011-3355 6713
- 15 & 16 Ogos
 - Kuantan
 - 019-939 1024 dan
 - 011-1491 3181
 - Ipoh
 - 016-309 7373 dan
 - 013-325 8383
 - Seremban
 - 012-6388449 dan 012-9262693